

21 NOV 2002

JAMALUDDIN, TENGGU ADNAN DAN ZAINUDDIN ANGKAT SUMPAA JAWATAN

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Datuk Dr Jamaluddin Jarjis dan Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor mengangkat sumpah jawatan masing-masing sebagai Menteri Kewangan Kedua dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara hari ini.

Mereka turut mengangkat sumpah taat setia serta sumpah menyimpan rahsia pada istiadat itu.

Pada majlis yang sama, Datuk Zainuddin Maidin mengangkat sumpah jawatan sebagai Timbalan Menteri Penerangan.

Pelantikan ketiga-tiganya berkuatkuasa hari ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan menteri-menteri kabinet.

Majlis itu turut disaksikan oleh Ketua Hakim Negara Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah, Peguam Negara Datuk Abdul Gani Patail, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsuddin Osman, Yang Dipertua Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail dan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Michael Chen.

Sebelum dilantik ke jawatan baru ini, Jamaluddin adalah pengerusi Tenaga Nasional Berhad manakala Tengku Adnan adalah Timbalan Menteri di Jabatan Zainuddin, bekas Ketua Pengarang Utusan Malaysia, dilantik sebagai senator pada 25 Feb 1998 sebelum dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan pada 17 Jan 2001.

-- BERNAMA
NBB AHH MAI